



UJIAN PENGGAJ KETIGA 2024

BAHASA MELAYU TAHUN 1, 2 & 3

- 1 - KERTAS INI MENGANDUNGI 3 SOALAN SAHAJA.
- 2 - JAWAB SEMUA SOALAN SEPERTI YANG DIARAHKAN.
- 3 - SEMOGA BERJAYA.

SOALAN 1 - PETIKAN PEMAHAMAN

Teliti dan baca petikan di bawah. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Nyamuk Aedes

Nyamuk aedes adalah haiwan yang bersaiz kecil. Ia amat berbahaya kerana boleh mengakibatkan penyakit demam denggi. Nyamuk Aedes hidup dengan cara menghisap darah manusia melalui gigitan. Nyamuk bergerak dengan cara terbang.

Nyamuk bertelur di kawasan air yang bertakung. Kita boleh menghapuskan pembiakan nyamuk dengan cara membersihkan kawasan rumah daripada air yang bertakung.

1. Nyamuk aedes adalah haiwan bersaiz _____.

(1 Markah)

2. Tandakan (/) bagi pernyataan yang betul dan (X) bagi pernyataan yang salah.

i. Nyamuk aedes amat berbahaya. ()

ii. Nyamuk aedes bergerak dengan cara merayap. ()

iii. Nyamuk aedes mengakibatkan penyakit demam denggi. ()

(3 Markah)

3. Nyamuk aedes hidup dengan cara menghisap darah _____.

(1 Markah)

SOALAN 2 - PETIKAN PEMAHAMAN

Teliti dan baca petikan di bawah. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Tadika Khalifah mengadakan Program Mari Menabung. Pelancaran Akaun Simpanan Kanak-kanak diadakan di tadika itu. Program itu dilancarkan oleh pihak tadika dan pihak Bank Maju.

Tujuan program itu adalah untuk memupuk amalan menabung dalam kalangan murid. Pihak bank memberi ceramah tentang kebaikan menabung. Seramai 50 orang murid membuka akaun simpanan. Murid-murid juga diberi hadiah dan sebuah tabung harimau. Semua murid sangat gembira.

1. Tadika Khalifah mengadakan Program _____.

(1 Markah)

2. Di manakah Pelancaran Akaun Simpanan Kanak-kanak diadakan ?

(2 Markah)

3. Apakah tujuan program tersebut diadakan ?

(2 Markah)

SOALAN 3 - KARANGAN

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Lengkapkan karangan di bawah.

Perpustakaan Sekolah Saya

Perpustakaan merupakan suatu _____ ilmu. Di sekolah saya ada sebuah perpustakaan.

Perpustakaan sekolah saya _____ tetapi cantik. Di dalam perpustakaan ada _____ jenis buku. Ia adalah seperti buku rujukan, buku cerita dan majalah. Buku-buku disusun dengan begitu rapi dan teratur.

Kami boleh _____ buku dari perpustakaan. Buku-buku yang dipinjam mesti _____ dalam masa _____. Kami juga boleh membaca _____ dan membuat _____ di perpustakaan.

Murid-murid tidak _____ bising di perpustakaan. Seorang guru ditugaskan untuk _____ perpustakaan. Guru perpustakaan sekolah saya ialah Cikgu Farizah.

dibenarkan	menjaga	rujukan
dipulangkan	seminggu	meminjam
buku	kecil	banyak
gedung		

(10 Markah)